



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Pentadbiran Harta Orang Islam
Di Malaysia
Khususnya Harta Pusaka Kecil

Oleh

Noor Hadina binti Ahmad Zabidi

Kertas Projek ini adalah satu Latihan
Ilmiah untuk memenuhi sebahagian
daripada keperluan Diploma Undang-
Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Kulliyyah Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa
Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

1993

Khusus buatmu
Mak dan Ayah,
Nis dan Mie,
Kak Pa, Kak Ma dan Jul,
juga buat si Dia

Semoga kita semua akan

Mendapat Kejayaan Di Dunia

Dan Akhirat.

Amin...

ABSTRAK

Kajian ini terdiri daripada enam bab. Di dalam bab yang pertama, penulis memaparkan beberapa perkara mengenai latar belakang bidang kajian, tujuan, hipotesis, skop, metodologi dan masalah kajian.

Kemudian di dalam Bab II, penulis menghuraikan tentang konsep perwarisan harta di dalam Islam. Penulis juga menceritakan tentang bagaimana harta orang Islam ditadbirkan di Tanah Melayu sebelum negara mencapai kemerdekaan.

Di dalam Bab III, penulis menceritakan tentang kedudukan Islam di negara kita khususnya Islam di dalam Perlembagaan Malaysia dan Senarai Negeri. Manakala, di dalam Bab IV, penulis telah memuatkan tentang bagaimana harta pusaka kecil ditadbirkan dengan merujuk khusus kepada Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955. Di samping Akta tersebut, beberapa peruntukan lain adalah terpakai di dalam membuat pembahagian harta pusaka kecil. Penulis menerangkan tentang peruntukan itu di dalam Bab V.

Bab VI merupakan kesimpulan kepada kajian. Penulis telah membawa beberapa saranan mengenai perkara-perkara yang perlu diambil perhatian bagi memperbaiki pentadbiran harta pusaka kecil orang Islam di negara kita.

Memandangkan maksud perkataan pesaka dan pusaka adalah sama, penulis mengambil keputusan untuk menggunakan perkataan pusaka. Begitu juga dengan perkataan ugama, di mana penulis memilih untuk menggunakan perkataan ugama daripada agama.

PENGHARGAAN

Segala puji hanya untuk Allah s.w.t Pencipta sekalian alam. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad s.a.w serta keluarga dan para sahabat baginda.

Setinggi kesyukuran penulis panjatkan ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan izin dan petunjukNya, penulis dapat menyempurnakan kertas projek ini walaupun dalam keadaan serba kekurangan.

Penulis terlebih dahulu ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Madya Dr. Mohd Shahbari @ Sobri Solomon selaku penyelia penulis, di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan oleh beliau di sepanjang kajian ini dilakukan. Tanpa bimbingan dan tunjuk ajar beliau adalah agak sukar bagi penulis untuk menyempurnakan kertas projek ini.

Tidak lupa juga kepada Tuan Haji Kamaruzzaman bin Habib iaitu Ketua Pengarah Tanah Dan Galian, Kementerian Kemajuan Tanah Dan Pembangunan Koperasi, Kuala Lumpur dan Encik Shukri Ariffin selaku Pegawai

Pembahagi Harta Pusaka Kecil Daerah Perak Tengah, di atas segala penerangan yang diberikan kepada penulis di dalam memahami beberapa perkara berkenaan dengan tajuk tersebut. Tidak lupa juga kepada kakitangan Pejabat Tanah Dan Daerah Perak Tengah, khususnya Puan Naemah Ismail, di atas kerjasama yang diberikan kepada penulis.

Penulis juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada keluarga penulis terutamanya ayahanda dan bonda yang telah bersusah payah mendidik dan membesarkan penulis sehingga mengenal erti sebuah kehidupan. Juga kepada adinda Azni dan Azmy, yang sentiasa memberi kebahagiaan, dorongan dan sokongan moral kepada penulis di dalam mencapai kejayaan. Semoga apa yang kalian impikan menjadi suatu kenyataan.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada semua pensyarah Kulliyah Undang-Undang, Universiti Islam Antarabangsa yang telah banyak mencurahkan ilmu kepada penulis di sepanjang pengajian penulis di sini. Semoga segala apa yang diajarkan menjadi keberkatan kepada kita semua.

Tidak ketinggalan buat teman-teman seperjuangan di mana jua berada khususnya pelajar-pelajar DAIJ sesi 1992/93. Terima kasih diucapkan di atas persahabatan yang diberikan. Semoga semuanya beroleh kejayaan.

Penulis amat terhutang budi kepada mereka yang telah disebutkan di atas. Hanya Allah s.w.t sahaja yang mampu membalas budi baik mereka.

DAFTAR ISI

BAB	MUKA SURAT
ABSTRAK	i
PENGHARGAAN	iii
DAFTAR ISI	vi
SENARAI KES	x
SENARAI STATUT	xi
I PENDAHULUAN	
1.1 Latar Belakang Bidang kajian	1
1.2 Tujuan Kajian	4
1.3 Hipotesis	5
1.4 Skop Kajian	5
1.5 Metodologi Kajian	6
1.6 Masalah Kajian	7
II KONSEP PERWARISAN HARTA	
2.1 Perwarisan Harta Dalam Islam	9
2.1.1 Dasar Perwarisan Harta Dalam Islam	11

2.2.1	Negeri-Negeri Selat	16
2.2.2	Undang-Undang Perwarisan Di Negeri-negeri Selat	18
2.3	Negeri-Negeri Melayu	20
2.3.1	Pengaruh British Di Negeri-Negeri Melayu	23
2.3.2	Undang-Undang bagi Orang Islam Di Negeri-Negeri Melayu	25

III KEDUDUKAN UNDANG-UNDANG ISLAM DI MALAYSIA

3.1	Islam Di Dalam Perlembagaan Malaysia	30
3.1.1	Kesan Akta Penerimaan Undang-Undang Sivil 1956	34
3.2	Islam di Dalam senarai Negeri	38

IV PENTADBIRAN HARTA PUSAKA KECIL

4.1	Takrif Harta Pusaka Kecil	46
4.2	Kuasa Pentadbir Tanah Di Dalam Mengendalikan Harta Pusaka Kecil	49
4.3	Kuasa Pentadbir Tanah Di Dalam Membicarakan Kuasa Harta Pusaka Kecil .	52
4.4	Kuasa Pentadbir Tanah Di Dalam Pembahagian Harta Pusaka Kecil	57
4.5	Perintah Pembahagian	62
4.6	Rayuan	65

V PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA KECIL

5.1	Pendahuluan	72
5.2	Pembahagian Menurut Faraid	74
5.2.1	Rukun Menerima Pusaka	75
5.2.2	Sebab-Sebab Menerima Pusaka	76
5.2.3	Syarat-Syarat Menerima Pusaka	78
5.2.4	Halangan-Halangan Daripada Menerima Pusaka	79
5.3	Tanah Rizab Melayu	81
5.3.1	Takrif Melayu	83
5.3.2	Urusniaga Terhadap Tanah Rizab Melayu	85
5.3.3	Kesannya Terhadap Perwarisan Harta Tanah Orang Islam	87
5.4	Pusaka Tanah Adat Di Negeri Sembilan	88
5.4.1	Jenis-Jenis Harta Pusaka Adat	89
5.4.2	Peruntukan Khas Mengenai Negeri Sembilan	91
5.4.2.1	Takrif Harta Pusaka Adat	92
5.4.2.2	Pembahagian Harta Pusaka Adat	93
5.5	Harta Perolehan Daripada Kawasan Penempatan Berkelompok	96
5.5.1	Takrif Kawasan Penempatan Berkelompok	97
5.5.2	Status Harta	98
5.5.3	Penurunan Harta	99

VI PENUTUP 108

BIBLIOGRAFI

LAMPIRAN

SENARAI KES

Ainan v Syed Abu Bakar, [1939] 8 MLJ 209.

Che Omar bin Che Soh v PP, (1988) 2 MLJ 55.

Choa Choon Neo v Spottiswoode, (1869) 1Ky 216.

Foo Say Lee v Ooi Heng Wai, [1969] 1 MLJ 47.

Hanisah v Tuan Mat, [1970] 1 MLJ 213.

In The Goods of Abdullah, (1835) 2 Ky Ec.8.

Khoo Hooi Leong v Khoo Cheng Yeok,
(1930) A.C 345.

Ng. Wan Chan v Majlis Ugama Islam Wilayah
Persekutuan & Anor, (No 2) [1991] 3 MLJ 487.

Omar bin Haji Jaafar v PP, [1955] 18 MLJ 187.

Ong Cheng Neo v Chea Cheng Neo & Others,
(1872) 1 KY 225.

Ong Cheng Neo v Yap Kwan Seng, (1897) 1 SSLR
Tambahan 1.

Ramah v Laton, (1927) FMSLR 128.

Re Ena Mohamed Tamby, Decd, [1937] MLJ 47.

Shaikh Abdul Latif & Others v Shaikh Elias Bux,
(1915) 1 FMSLR 204.

Wong Ah Fook v State of Johore, [1937] MLJ 121.

Yong Joo Lin & Others v Pungi Poi Fung,
[1941] MLJ 63.

SENARAI STATUT

Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955,
(Akta 98) Dan Peraturan-Peraturan.

Akta Keterangan 1950 (Akta 56)

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91).

Akta Tafsiran 1967 (Akta 23).

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960
(Akta 13).

Akta Umur Dewasa 1971 (Akta 21).

Akta Undang-Undang Sivil 1956 (Akta 67).

Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam
Selangor 1989.

Enakmen Pentadbiran Untuk Orang Islam Melaka
1959 (No 1).

Enakmen Pentadbiran Untuk Orang Islam
Pulau Pinang 1959 (No 3).

Enakmen Rizab Melayu 1933 (F.M.S) Cap 142.

Enakmen Rizab Melayu Johor 1936.

Enakmen Rizab Melayu Kedah 1349H.

Enakmen Rizab Melayu Kelantan 1930.

Enakmen Rizab Melayu Terengganu 1360H.

Enakmen Tanah Adat F.M.S Cap 215.

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam
Negeri Sembilan 1983.

Enakmen Undang-Undang Sivil 1937 (No 3).

Kanun Acara Jenayah F.M.S Cap 26.
Kanun Kesiksaan F.M.S Cap 45.
Kanun Tanah Negara 1965 (Akta 56).
Ordinan Mohamedan, Ordinan V 1880.
Ordinan Sakit Otak 1952 (No 31).
Ordinan Tanah Adat Melaka 1886.
Perlembagaan Persekutuan Malaysia 1957.

BAB I

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 LATAR BELAKANG BIDANG KAJIAN

Ilmu faraid merupakan satu ilmu yang penting di dalam masyarakat. Islam amat menggalakkan agar seseorang berusaha untuk mempelajari ilmu faraid.

Mempelajari ilmu faraid bukan sahaja membolehkan seseorang mendapat ganjaran yang setimpal di dalam menuntut ilmu, malah ia dapat membantunya untuk berlaku adil dalam mentadbirkan harta peninggalan pewarisnya. Pembahagian yang adil adalah perlu untuk mengelakkan permusuhan dan perbalahan di kalangan ahli keluarga di dalam membuat tuntutan harta pusaka. Sememangnya harta boleh menyebabkan permusuhan dan kerosakan sekiranya ia ditadbirkan menurut hawa nafsu.

Terdapat banyak hadis yang diriwayatkan tentang peri pentingnya mempelajari ilmu faraid. Di antaranya

adalah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah yang bermaksud :

*Pelajarilah ilmu faraid dan ajarkanlah kerana ia separuh daripada ilmu dan akan dilupakan. Ianya yang pertama yang akan dicabut dari umatku.*¹

Di dalam hadis tersebut, dijelaskan bahawa ilmu faraid adalah merupakan separuh daripada ilmu-ilmu yang terdapat di atas muka bumi ini. Manakala ilmu-ilmu yang lain adalah merupakan ilmu pelengkap sahaja. Ia juga merupakan perkara yang pertama yang akan dilupai oleh manusia.

Galakan yang serupa juga terdapat di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Mas'ud yang bermaksud :

*Pelajarilah ilmu faraid dan ajarkanlah kerana aku (Rasulullah saw) sesungguhnya akan dicabut (meninggal) dan demikian juga dengan ilmu itu. Oleh yang demikian timbullah fitnah sehingga berlaku perselisihan di antara dua orang mengenai faraid, sedangkan tidak ada orang yang boleh menyelesaikan (masalah) mereka berdua itu.*²

Di Malaysia, pembahagian harta pusaka orang Islam adalah ditadbirkan di Mahkamah Awam. Sungguhpun, perkara mengenai warisan harta berwasiat dan tidak

berwasiat bagi orang Islam adalah tertakluk di bawah kuasa Majlis Perundangan Negeri, namun ia masih terikat kepada undang-undang yang digubal oleh Perlembagaan Persekutuan.

Misalnya, pembahagian pusaka orang Islam adalah ditadbirkan menerusi Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Akta Probet dan Pentadbiran 1959. Tuntutan untuk mendapatkan probet atau surat kuasa mentadbir pusaka hanya boleh dibuat di Mahkamah Tinggi Awam sedangkan Mahkamah Syariah tidak berbidangkuasa untuk mendengar tuntutan tersebut walaupun ia melibatkan tuntutan terhadap harta pusaka orang Islam.

Di dalam konteks ini, pindaan Perlembagaan terhadap Perkara 121 Perlembagaan Persekutuan tidak memberi apa-apa kesan terhadap bidang kuasa Mahkamah Syariah. Pindaan ini sebenarnya adalah bertujuan untuk memisahkan bidangkuasa Mahkamah Awam daripada Mahkamah Syariah dan bukanlah bertujuan untuk meluaskan bidangkuasa Mahkamah Syariah.

1.2 TUJUAN KAJIAN

Tajuk ini dipilih dengan tujuan untuk mengetahui secara ringkas mengenai perundangan harta pusaka bagi orang Islam di Malaysia.

Ia juga bertujuan untuk mengetahui cara membahagikan harta pusaka dengan lebih ekonomik dan dengan demikian dapat memantapkan lagi kedudukan ekonomi bagi sesebuah keluarga atau masyarakat.

Melalui kajian ini juga dapat dikenalpasti undang-undang yang digunakan di dalam pembahagian harta pusaka orang Islam seperti :

- a. Undang-undang utama yang digunakan khusus untuk mengurus dan mengendalikan harta pusaka .
- b. Undang-undang yang digunakan khusus untuk pembahagiannya.
- c. Undang-undang berkaitan yang perlu di ambil kira di dalam menyelesaikan suatu isu yang timbul di dalam pembahagian harta pusaka itu.

Undang-undang tersebut perlu dibaca bersama Akta Harta Pusaka Kecil 1955 menurut keadaan sesuatu kes.

Tambahan pula, dengan terhasilnya kertas projek ini, dapat mengikis anggapan masyarakat bahawa disebabkan pembahagian pusaka dikendalikan di Mahkamah Awam maka undang-undang Inggeris adalah terpakai. Terdapat juga masalah yang tidak begitu jelas keadaannya sama ada ia dipengaruhi oleh hukum syarak atau tidak dan perlu kepada kajian.

1.3 HIPOTESIS

Hipotesis yang boleh dibuat adalah, walaupun ia dikendalikan di Mahkamah Awam, pentadbiran dan pembahagian harta pusaka orang Islam adalah berlandaskan kepada hukum syarak. Oleh itu tidak timbul soal bahawa prinsip undang-undang asing terpakai di dalam pembahagiannya.

1.4 SKOP KAJIAN

Di Malaysia, terdapat tiga peringkat bidangkuasa pembahagian harta pusaka iaitu :

- a. Harta Pusaka Biasa iaitu harta berwasiat yang bernilai melebihi enam ratus ribu ringgit.
- b. Harta Pusaka Kecil iaitu harta tidak berwasiat yang bernilai tidak melebihi enam ratus ribu ringgit.
- c. Harta Pusaka Ringkas iaitu harta yang bernilai tiga ratus ribu ringgit ke bawah.

Walau bagaimanapun, penulis hanya akan menumpukan kajian kepada pembahagian harta pusaka kecil. Ini adalah disebabkan harta ini lebih banyak melibatkan orang Melayu secara amnya atau Islam secara khususnya memandangkan ia melibatkan pusaka terhadap harta tanah.

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dihasilkan secara penyelidikan perpustakaan dan temubual dengan beberapa orang yang tertentu.

Bahan-bahan adalah diperolehi daripada Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa dan Perpustakaan Awam Pusat Islam. Data-data adalah dikumpulkan melalui bahan-bahan rujukan seperti buku, buku dan statut-statut.

Penulis menjadikan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan buku Mohd. Ridzuan Awang yang bertajuk Undang-Undang Dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam Di Malaysia sebagai bahan rujukan utama. Di samping itu, penulis juga banyak bergantung kepada buku panduan yang dikeluarkan oleh Unit Pembahagian Harta Pusaka Kecil, Kementerian Tanah Dan Pembangunan Wilayah, Kuala Lumpur.

Penulis juga berkesempatan menemubual beberapa orang pegawai yang berpengalaman di dalam bidang tersebut. Proses ini dapat membantu penulis di dalam memahami perkara-perkara tentang bagaimana harta pusaka kecil ditadbirkan di negara kita.

1.6 MASALAH KAJIAN

Di dalam proses menyempurnakan kajian ini, penulis menghadapi berbagai masalah. Masalah utama yang dihadapi oleh penulis adalah agak sukar bagi penulis untuk mendapatkan buku rujukan mengenai tajuk tersebut. Ini disebabkan kurangnya buku-buku yang dihasilkan khusus untuk membicarakan masalah tersebut. Penulis juga

menghadapi masalah di dalam mendapatkan beberapa statut di dalam Bahasa Malaysia.

Walau bagaimanapun , penulis amat berpuas hati kerana penulis sentiasa mendapat kerjasama yang memuaskan daripada pihak-pihak tertentu baik secara langsung mahupun secara tidak langsung di dalam menyiapkan kajian ini.

NOTA KAKI

1. Muhammad Ali b. Muhammad As Syaukani, *Nailul Autar*, Baharan : Mustafa Al Halabi, 1380 H, m.s 168.
2. *Ibid.*

BAB II